

Hasan tamatkan kembara petang ini

BH 27 JAN 2002

KUALA LUMPUR: Bekas Pegawai Daerah Port Dickson, Hasan Nawawi Abdul Rahman, 47 pulang ke tanah air petang ini selepas berjaya melepasi cabaran berbasikal mengelilingi dunia selama 388 hari bermula 4 Januari tahun lalu.

Beliau yang ditemani adiknya, Ahmad Ridzuan, dijadualkan melepasi sempadan Malaysia-Thailand sebelum ke Bukit Kayu Hitam, jam 3.00 petang ini.

Ketibaan beliau disambut Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishamuddin Tun Hussein, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Abdul Razak Syed Zain, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman.

Pasukan kompang, gendang, rebana ubi dan pancaragam dijangka memeriahkan kepulangan Hassan yang mendapat jolokan 'Wira Daratan' selepas Datuk Azhar Mansor yang menempah nama sebagai Wira Samudera.

Menteri Besar dijadualkan melepaskan Hasan ke Alor Star sambil diiringi polis trafik, pasukan 50 pemuda menunggang vespa dan pasukan berbasikal dari Port Dickson, Taiping dan Manong.

Pengurus Cabaran Berbasikal Mengelilingi Dunia, Hamid Selamat berkata, Perdana Menteri dan menteri kabinet pula dijadualkan menyambut ketibaan beliau di Putra Jaya, Rabu ini selepas mesyuarat Jemaah Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir dijangka melancarkan contoh kulit depan buku Cabaran Berbasikal Mengelilingi Dunia yang bakal diterbitkan Jun depan.

Cabaran beliau sejauh kira-kira 23,800 kilometer yang merentasi 25 negara bermula dari Thailand, Myanmar, Bangladesh, India, Pakistan, Iran, Turki, Greece, Itali, Perancis, England sebelum menaiki pesawat menyeberang ke Amerika Syarikat melalui Florida.

Selepas itu, beliau berlepas ke Jepun, Korea Selatan, China, Vietnam, Laos, Thailand dan pulang ke tanah air menerusi Bukit Kayu Hitam.

Hamid berkata, dalam catatan Hasan yang disiarkan setiap Ahad di *Berita Minggu*, beliau mengakui berbasikal sekurang-kurangnya lapan jam sehari dan tidak kurang 100 kilometer sehari.

Ketika kejadian serangan pengganas ke atas New York dan Washington, 11 September lalu, beliau berada di Amerika Syarikat manakala ketika berpuasa dan hari raya, beliau dalam perjalanan dari China ke Vietnam.

Beliau dijadualkan mengadakan sidang akhbar mengenai pengalaman pahit manis sepanjang cabaran berbasikal mengelilingi dunia, lewat petang ini.